

Ucapan Y.B. Enche Hussein Onn, Menteri Pelajaran di-upachara Pembukaan Persidangan Pegawai2 Kementerian Pelajaran di-sabelah pihak dan pegawai2 serta wakil2 Kementerian2 lain dan Badan2 Berkanun di-pihak yang lain berkenaan dengan Pelajaran dan Latehan Vokeshenal di-Dewan Bahasa dan Pustaka pada 8hb. September, 1971 pukul 9.00 pagi

Pegawai2 dan wakil2 daripada Kementerian2, Bahagian Peranchang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Lembaga Letrik Negara, Keretapi Tanah Melayu, Maktab MARA, Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya, FLIDA, dan lain2.

Saya mengucapkan berbanyak terima kaseh kerana kehadiran tuan2 dan puan2 di-persidangan ini. Persidangan ini boleh-lah di-katakan di-adakan dengan mengejut. Saya mengadakan persidangan ini dengan demikian oleh kerana masa'alah2 yang berbangkit ada-lah amat mustahak dan berkehendakkan tindakan yang segera.

Tuan2 sekalian tentu-lah sudah mengetahui tujuan dan maksud persidangan ini. Pada hari semalam, pegawai2 daripada Kementerian Pelajaran dan guru2 besar, Pengetua2 dan Pengajar2 dari Sekolah2 Menengah Vokeshenal, Maktab Teknik Kuala Lumpur, Maktab Teknik Perguruan, Kuala Lumpur, dan Politeknik Ungku Omar, Ipoh, telah bermeshuarat dan membincangkan masa'alah yang akan di-bincangkan di-persidangan ini.

Tuan2 semua ada-lah di-jemput ka-persidangan ini untuk bertukar2 fikiran, membincangkan sechara mendalam dan membuat shor2 yang tertentu berkenaan dengan perkara2 kepentingan bersama di-antara Kementerian Pelajaran di-sabelah pihak dan lain2 Kementerian serta badan2 berkanun di-sabelah pihak yang lain.

Sa-bagaimana yang tuan2 ketahui Kementerian Pelajaran telah menerima satu arahan daripada Perdana Menteri bahawa pemuda dan pemudi kita hendak-lah di-beri pekerjaan sebaik2 sahaja keluar dari sekolah Vokeshenal sebagai pekerja2 mahir dalam sektor awam dan swasta. Selain daripada itu, mereka hendak-lah di-lateh dalam tempoh masa yang sa-sengkat2-nya dengan bilangan yang chukup dan jenis2 yang betul sa-bagaimana yang di-kehendakki.

Kementerian Pelajaran akan menjalankan arahan ini dengan sapenoh-nya dan dengan sa-chepat mungkin. Oleh kerana pelajaran dan latehan Vokeshenal ada-lah juga di-jalankan oleh Kementerian2 lain serta badan2 berkanun, ada-lah sangat penting mengadakan kerjasama yang sapenoh-nya di-antara Kementerian Pelajaran dan Kementerian2 serta badan2 yang berkenaan, dan lagi segala usaha dan ranchangan kita mesti-lah mempunyai hubungan rapat dan di-selaraskan. Kerjasama serta penyelarasan yang sapenoh-nya ada-lah merupakan kunchi kepada kejayaan dalam melaksanakn dasar baru ini berhubung dengan pelajaran dan latehan Vokeshenal

di-Sekolah2 Menengah Vokeshenal kita. Saya berazam untk mendapat-
kan kerjasama dan penyelarasan ini, Sunggoh banyak perkara yang
terlibat. Kerajaan, Parlimen dan ra'ayat tidak akan membiarkan
bagitu sahaja sebarang kegagalan dan kelalaian serta sikap2 yang
mementingkan diri sendiri di-pehak mana2 pegawai tidak kira
pangkat atau kedudukan mereka.

Oleh yang demikian saya berharap bahawa persidangan
ini akan membinchangkan segala perkara dan masaalah2 yang timbul
dari dasar baru ini dengan sapenoh-nya dan jujur. Perdana Menteri
dan saya hanya berkehendakkan satu perkara sahaja daripada per-
sidangan ini dan perkara itu ia-lah KEPUTUSAN2. Tuan2 semua mesti-
lah menyelesaikan dengan sa-berapa boleh segala masa'alah baik
besar mahu pun kechil. Perdana Menteri menunggu laporan tuan2 yang
mengandongi shor2 untk tindakan tertentu sama ada tindakan2 kerja,
pentadbiran atau perundangan. Segala bantuan dan galakkan akan
di-berikan kapada Kementerian2 dan badan2 berkanun yang berkenaan.

Dengan ini saya pulangkan kapada tuan2 semua supaya
menjalankan perundingan tuan2 dan saya menunggu2 pendapat serta
shor2 yang akan tuan2 berikan tidak lama lagi.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.

8hb. September, 1971.



No. Siri 61
No Penerimaan 61/80